



NEGERI MELAKA

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 54**

**10hb Jun 2010**

**No. 12**

---

---

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

(Akta 171)

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

(Act 171)

**No. 427.**

KENYATAAN DI BAWAH SEKSYEN 141 DAN 143  
ANNOUNCEMENT UNDER SECTIONS 141 AND 143

MENERIMA PAKAI SENARAI NILAIAN BAGI PEGANGAN-PEGANGAN DALAM  
KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA

ADOPTING THE VALUATION LIST FOR HOLDINGS IN THE AREA OF  
HANG TUAH JAYA MUNICIPAL COUNCIL

Seperti diperuntukkan di bawah seksyen 141 dan 143, Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], adalah dengan ini diberitahu bahawa maklumat SENARAI NILAIAN semasa bagi tahun 1987 mengandungi Nilai Tahunan dan kadar bagi pegangan-pegangan dalam pungutan kadar taksiran kawasan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya yang dahulunya berada dalam kawasan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Majlis Perbandaran Alor Gajah dan Majlis Perbandaran Jasin yang tidak dikecualikan daripada pembayaran kadar telah diterima pakai oleh Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya pada 1 Januari 2010.

Bagi menjalankan kuasa-kuasa yang dinyatakan di bawah seksyen 144 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Yang Dipertua dengan kelulusan Kerajaan Negeri telah menetapkan asas taksiran kadar berasaskan Nilai Tahunan bagi tahun 1987 dan segala pindaan ke atas Senarai Nilai adalah mengikut paras Nilai tarikh tersebut.

Adalah diberitahu selanjutnya bahawa SENARAI NILAIAN adalah terbuka untuk diperiksa di Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Tingkat 3, Kompleks Melaka Mall, Jalan Tun Abdul Razak–Ayer Keroh 75450 Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, Melaka di antara jam 8.00 pagi–5.00 petang semasa hari bekerja.

Bertarikh 28 April 2010

[MPHTJ/JPU/UD/W/001; PUNM 700-02/6]

HAJI KAMARUDIN BIN HJ. MD. SHAH  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya*

As provided by sections 141 and 143 of the Local Government Act 1976 [Act 171], it is hereby notified that information on current VALUATION LIST for the year 1987 which contains Annual Value and rates for holdings in payment of rates in the area of Hang Tuah Jaya Municipal Council which were formally in the area of Malacca City Historic Council, Alor Gajah Municipal Council and Jasin Municipal Council which were not exempted from rates has been adopted by Hang Tuah Jaya Municipal Council on 1 January 2010.

In exercising powers conferred by section 144 of the Local Government Act 1976 [Act 171], the President with the approval of the State Government has fixed the basic assessment rate based on the Annual Valuation for the year 1987 and all amendment on the Valuation List is to follow the rate at the above mention date.

It is hereby notified that the VALUATION LIST is open to be inspected at Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Tingkat 3 Kompleks Melaka Mall, Jalan Tun Abdul Razak–Ayer Keroh, 75450 Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, Malacca between 8.00 a.m. to 5.00 p.m. during working days.

Dated 28 April 2010

[MPHTJ/JPU/UD/W/001; PUNM 700-02/6]

HAJI KAMARUDIN BIN HJ. MD. SHAH  
*The President*  
*Hang Tuah Jaya Municipal Council*  
*Malacca*

**No. 428.**ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM  
(NEGERI MELAKA) 2002ISLAMIC FAMILY LAW (STATE OF MALACCA)  
ENACTMENT 2002

PELANTIKAN DAN PEMBATALAN PENDAFTAR PERKAHWINAN,  
PERCERAIAN DAN RUJU' ORANG ISLAM DI BAWAH SUBSEKSYEN 28(2)  
APPOINTMENT AND REVOCATION OF REGISTRAR OF MUSLIM MARRIAGE,  
DIVORCES AND RUJU' UNDER SUBSECTION 28(2)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 28(2) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 [*Enakmen No. 12 tahun 2002*], Yang di-Pertuan Agong telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual Pertama bagi jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) dan mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3) bersentangan dengan nama mereka masing-masing.

## Pembatalan Pelantikan

2. Pelantikan orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual Kedua sebagai Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Orang Islam Negeri Melaka yang dinyatakan dalam ruang (2) yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* seperti yang dinyatakan dalam ruang (3) adalah dibatalkan.

In exercise of the powers conferred by subsection 28(2) of the Islamic Family Law (State of Malacca) Enactment 2002 [*Enactment No. 7 of 2002*], the Yang di-Pertuan Agong has appointed the persons named in column (1) of the First Schedule to the post specified in column (2) and with effect from the date specified in column (3) against their respective names.

## Revocation of appointment

2. The appointment of the persons named in column (1) of the Second Schedule as Registrars of Muslim Marriages, Divorces and Ruju' for the State of Malacca as specified in column (2) as published in *Government Gazette* in column (3) is revoked.

## JADUAL PERTAMA/FIRST SCHEDULE

| (1)<br>Nama/ <i>Names</i> | (2)<br>Jawatan/ <i>Posts</i>   | (3)<br>Tarikh/ <i>Dates</i> |
|---------------------------|--|-----------------------------|
| 1. Mohd Isa bin Abdullah  | Pendaftar Kanan Perkahwinan,<br>Perceraian dan Ruju' Orang Islam<br>Negeri Melaka/<br><i>Senior Registrar of Muslim Marriages,<br/>Divorces and Ruju' State of Malacca</i> | 12-1-2010                   |

| (1)<br>Nama/Names           | (2)<br>Jawatan/Posts  | (3)<br>Tarikh/Dates |
|-----------------------------|---|---------------------|
| 2. Mohamad Firuz bin Ismail | Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Orang Islam Negeri Melaka/<br><i>Registrar of Muslim Marriages,<br/>Divorces and Ruju' State of Malacca</i> | 6-11-2010           |

## JADUAL KEDUA/SECOND SCHEDULE

| (1)<br>Nama/Names               | (2)<br>Jawatan/Posts  | (3)<br>Warta/Gazette |
|---------------------------------|---|----------------------|
| 1. Annisa binti S. Abdul Rahman | Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Orang Islam Negeri Melaka/<br><i>Registrar of Muslim Marriages,<br/>Divorces and Ruju' State of Malacca</i> | M.P.A. 223/2006      |
| 2. Mohd Ariffin bin Ramdhan     | Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Orang Islam Negeri Melaka/<br><i>Registrar of Muslim Marriages,<br/>Divorces and Ruju' State of Malacca</i> | M.P.A. 97/2009       |
| 3. Mohd Yahu Safat bin Ishak    | Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Orang Islam Negeri Melaka/<br><i>Registrar of Muslim Marriages,<br/>Divorces and Ruju' State of Malacca</i> | M.P.A. 97/2009       |

Bertarikh 27 April 2010

Dated 27 April 2010

[JAIM/3/223/6/Klt. 6; PUNM. 700-02/30]

DATUK SERI HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM  
*Pengerusi/Chairman  
Majlis Agama Islam  
Melaka*

## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

## NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

**No. 429.**

PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 [56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri melantik Muhamad Firdaus bin Asuar (KP. 820702-04-5259) sebagai Penolong Pentadbir Tanah Jasin berkuatkuasa mulai 3 Mei 2010.

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code 1965 [56 of 1965], the State Authority has appointed Muhamad Firdaus bin Asuar (NRIC. 820702-04-5259) as Assistant Land Administrator Jasin with effect from 3rd of May 2010.

Bertarikh 24 Mei 2010

Dated 24 May 2010  
[PTGM.UP. 100/28/1;  
PUNM. 700-02/1/31]

MARIAM BINTI ILIAS  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Melaka/*  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Malacca*

**No. 430.**

PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 [56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Nur Amzari bin Dato' Azemi (KP. 800401-14-5725) sebagai Penolong Pentadbir Tanah Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin berkuatkuasa mulai 15 Mac 2010.

Pembatalan Pelantikan

2. Pelantikan Syazmin bin Baharom Shah sebagai Penolong Pentadbir Tanah Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin yang disiarkan dalam pemberitahuan *Warta* No. 689 bertarikh 20 November 2008 dibatalkan.

In exercise of the powers conferred by subsection 12(1)(b) of the National Land Code 1965 [56 of 1965], the State Authority has appointed Nur Amzari bin Dato' Azemi (NRIC. 800401-14-5725) as Assistant Land Administrator Melaka Tengah, Alor Gajah and Jasin with effect from 15 March 2010.

Revocation of appointment

2. The appointment of Syazmin bin Baharom Shah as Assistant Land Administrator Melaka Tengah, Alor Gajah and Jasin as published in *Gazette* Notification No. 689 dated 20 November 2008 is revoked.

Bertarikh 24 Mei 2010

Dated 24 May 2010  
[PTGM.UP. 100/28/1;  
PUNM. 700-02/1/31]

MARIAM BINTI ILIAS  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Melaka/*  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Malacca*

**No. 431.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara 1965 [*56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri mengisytiharkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual adalah dirizabkan bagi tujuan tapak sistem dan perkhidmatan pembentungan dan dikawal oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

In exercise of the powers conferred under subsection 62(1) of the National Land Code 1965 [*56 of 1965*], the State Authority proclaims that the said land described in the Schedule are reserved for the purpose of site for sewerage service system and controlled by the Federal Law Commissioner.

## JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Alor Gajah. Mukim/*Mukim*—Sungei Baru Tengah. No. Lot/*Lot No.*—2992. No. P.A/P.A. No.—44783. Keluasan/*Area*—752 meter persegi/*square metres*.

[PTG(M)S/370/1/2/656; MMKN. 2A/25/2005; PUNM. 700-02/1/31]

Daerah/*District*—Melaka Tengah. Mukim/*Mukim*—Bukit Baru. No. Lot/*Lot No.*—13238. No. P.A/P.A. No.—44430. Keluasan/*Area*—1207 meter persegi/*square metres*.

[PTG(M)S/370/1/990; MMKN. 22A/12/2009; PUNM. 700-02/1/31]

Bertarikh 19 Mei 2010

Dated 19 May 2010

MARIAM BINTI ILIAS  
*Setiausaha**Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri  
Melaka/  
Secretary  
State Executive Council  
Malacca***No. 432.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara 1965 [*56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri mengisytiharkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual adalah dirizabkan bagi tujuan tapak Taman Industri (Teknologi) Pertanian Negeri Melaka dan dikawal oleh Pengarah Jabatan Pertanian Melaka.

In exercise of the powers conferred under subsection 62(1) of the National Land Code 1965 [56 of 1965], the State Authority proclaims that the said land described in the Schedule are reserved for the purpose of site of Malacca Industrial Agriculture (Technology) Park and controlled by the Director of Department of Agriculture Malacca.

## JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Melaka Tengah. Mukim/Mukim—Jasin. No. Lot/Lot No.—2646. No. P.A/P.A. No.—33041 & 33041. Keluasan/Area—81.00 hektar/hectares.

[PTG(M)S/351/3/17/604; MMKN. 4B/7/98; PUNM. 700-02/1/31]

Bertarikh 19 Mei 2010

Dated 19 May 2010

MARIAM BINTI ILIAS  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Melaka/*  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Malacca*

**No. 433.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

PEMBETULAN

CORRIGENDUM

Dalam Pemberitahuan *Warta* No. 279 yang disiarkan pada 15 April 2010 adalah dipinda:

- (a) bagi rujukan [PTG(M)S/370/2/21/486; MMKN 29A/15/2003; PUNM. 700-02/1/29] yang terdapat dalam Jadual, gantikan perkataan “No. Lot—3011” dengan “No. Lot—3010”.

In *Gazette* Notification No. 279 published on 15 April 2010 is amended:

- (a) for reference [PTG(M)S/370/2/21/486; MMKN 29A/15/2003; PUNM. 700-02/1/29] appearing in the Schedule, substitute the words “Lot No.—3011” with “Lot No.—3010”.

Bertarikh 20 Mei 2010

Dated 20 May 2010

[PTG(M)S/370/2/21/486; MMKN 29A/15/2003; PUNM.700-02/1/31]

**No. 434.**

PERINTAH PENTADBIR TANAH DI BAWAH SEKSYEN 100

ORDER OF LAND ADMINISTRATOR UNDER SECTION 100

Bahawasanya Notis Tuntutan dalam Borang 6A Kanun Tanah Negara, telah diserahkan kepada tuan punya tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan suatu catatan tentang penyampaian notis itu telah diendors dalam Daftar Dokumen Hakmilik.

Bahawasanya amaun yang dinyatakan dalam ruang (4) sebagaimana yang ditetapkan dalam notis itu telah tidak dibayar kepada Pentadbir Tanah pada atau sebelum 20 Ogos 2009.

Oleh itu, saya dengan Perintah ini mengisytiharkan bahawa tanah itu terlucut hak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Whereas a Notice of Demand in Form 6A of the National Land Code has been served on the proprietor of the land described in the Schedule and a note of the service of such notice has been endorsed on the Register Document of Title.

Whereas the amount specified in column (4) as prescribed in such notice has not been paid to the Land Administrator on or before 20 August 2009.

Therefore, I by this Order declare such land forfeit to the State Authority.

## JADUAL/SCHEDULE

| Bil. | Bandar/Pekan/Mukim<br>No. Lot/Petak/P.T.<br>Keluasan Perihal dan<br>No. Hakmilik<br>Rujukan Fail | Tarikh<br>Penyampaian<br>Borang 6A | Tarikh<br>Pengindorsan<br>Daftar Dokumen<br>Hakmilik          | Amaun Kena<br>Bayar dalam<br>Borang 6A |
|------|--|------------------------------------|---|--|
| No.  | Town/Village/Mukim<br>Lot/Parcel/L.O. No.<br>Description and No. of<br>Title<br>File Reference   | Date of Service<br>of Form 6A      | Date of<br>Endorsement on<br>Register<br>Document of<br>Title | Amount Due in<br>Form 6A               |
| 1.   | Serkam<br>1046<br>0.147 hektar/hectare<br>GM-MCL 1047<br>PTJ/H/342/N08/49                        | 21-5-2009                          | 26-10-2009  | RM922.20                               |

Bertarikh 4 Mei 2010

Dated 4 May 2010  
[PTJ/H/342/N08/49;  
PUNM. 700-02/1/31]

MUHAMMAD IKRAM BIN IBRAHIM  
*Pentadbir Tanah Daerah/  
District Land Administrator  
Jasin*



**No. 435.**

PERINTAH PENTADBIR TANAH DI BAWAH SEKSYEN 100

ORDER OF LAND ADMINISTRATOR UNDER SECTION 100

Bahawasanya Notis Tuntutan dalam Borang 6A Kanun Tanah Negara, telah diserahkan kepada tuan punya tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan suatu catatan tentang penyampaian notis itu telah diendors dalam Daftar Dokumen Hakmilik.

Bahawasanya amaun yang dinyatakan dalam ruang (4) sebagaimana yang ditetapkan dalam notis itu telah tidak dibayar kepada Pentadbir Tanah pada atau sebelum 16 Mac 2010.

Oleh itu, saya dengan Perintah ini mengisytiharkan bahawa tanah itu terlucut hak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Whereas a Notice of Demand in Form 6A of the National Land Code, has been served on the proprietor of the land described in the Schedule and a note of the service of such notice has been endorsed on the Register Document of Title.

Whereas the amount specified in column (4) as prescribed in such notice has not been paid to the Land Administrator on or before 16 March 2010.

Therefore, I by this Order declare such land forfeit to the State Authority.

## JADUAL/SCHEDULE

| Bil. | Bandar/Pekan/Mukim<br>No. Lot/Petak/P.T.<br>Keluasan Perihal dan<br>No. Hakmilik<br>Rujukan Fail       | Tarikh<br>Penyampaian<br>Borang 6A | Tarikh<br>Pengindorsan<br>Daftar Dokumen<br>Hakmilik          | Amaun Kena<br>Bayar dalam<br>Borang 6A |
|------|--|------------------------------------|---|--|
| No.  | Town/Village/Mukim<br>Lot/Parcel/L.O. No.<br>Area<br>Description and No. of<br>Title<br>File Reference | Date of Service<br>of Form 6A      | Date of<br>Endorsement on<br>Register<br>Document of<br>Title | Amount Due in<br>Form 6A               |
| 1.   | Sempang<br>1103<br>245 meter persegi/<br>square metres<br>P.M. 191<br>PTJ/H/342/N08/31                 | 17-12-2009                         | 7-1-2009  | RM1,889.60                             |

Bertarikh 4 Mei 2010

Dated 4 May 2010  
[PTJ/H/342/N08/31;  
PUNM. 700-02/1/31]

MUHAMMAD IKRAM BIN IBRAHIM  
Pentadbir Tanah Daerah/  
District Land Administrator  
Jasin

**No. 436.**

PERINTAH PENTADBIR TANAH DI BAWAH SEKSYEN 100

ORDER OF LAND ADMINISTRATOR UNDER SECTION 100

Bahawasanya Notis Tuntutan dalam Borang 6A Kanun Tanah Negara, telah diserahkan kepada tuan punya tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan suatu catatan tentang penyampaian notis itu telah diendors dalam Daftar Dokumen Hakmilik.

Bahawasanya amaun yang dinyatakan dalam ruang (4) sebagaimana yang ditetapkan dalam notis itu telah tidak dibayar kepada Pentadbir Tanah pada atau sebelum 12 November 2009.

Oleh itu, saya dengan Perintah ini mengisytiharkan bahawa tanah itu terlucut hak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Whereas a Notice of Demand in Form 6A of the National Land Code has been served on the proprietor of the land described in the Schedule and a note of the service of such notice has been endorsed on the Register Document of Title.

Whereas the amount specified in column (4) as prescribed in such notice has not been paid to the Land Administrator on or before 12 November 2009.

Therefore, I by this Order declare such land forfeit to the State Authority.

## JADUAL/SCHEDULE

| Bil. | Bandar/Pekan/Mukim<br>No. Lot/Petak/P.T.<br>Keluasan Perihal dan<br>No. Hakmilik<br>Rujukan Fail       | Tarikh<br>Penyampaian<br>Borang 6A | Tarikh<br>Pengindorsan<br>Daftar Dokumen<br>Hakmilik          | Amaun Kena<br>Bayar dalam<br>Borang 6A |
|------|--|------------------------------------|---|--|
| No.  | Town/Village/Mukim<br>Lot/Parcel/L.O. No.<br>Area<br>Description and No. of<br>Title<br>File Reference | Date of Service<br>of Form 6A      | Date of<br>Endorsement on<br>Register<br>Document of<br>Title | Amount Due in<br>Form 6A               |
| 1.   | Umbai<br>2360<br>0.0131 hektar/hectare<br>G.M.-MCL 1330<br>PTJ/H/342/N08/27                            | 13-8-2009                          | 23-10-2009  | RM1,886.70                             |

Bertarikh 4 Mei 2010

Dated 4 May 2010  
[PTJ/H/342/N08/27;  
PUNM. 700-02/1/31]

MUHAMMAD IKRAM BIN IBRAHIM  
Pentadbir Tanah Daerah/  
District Land Administrator  
Jasin

No. 437.

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

(Section 130)

NOTICE OF REVERSION TO THE STATE

Bahawasanya, menurut peruntukan seksyen 100 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa pelucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

Whereas, pursuant to provision of section 100 of the National Land Code, the land scheduled below has by order been declared forfeit to the State Authority.

Notice is hereby given that such forfeiture has this day taken effect and that, in consequence of its vesting in the State Authority—

- (a) any time or interest in the land heretofore substituting or capable of rising is extinguished; and
- (b) the issue document of title to the land is void and is impoundable by the State.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAKKAN  
SCHEDULE OF FORFEITED LAND

| Bil. | Bandar/Pekan/<br>Mukim  | No. Lot/<br>Petak/P.T.  | Perihal dan<br>No. Hakmilik        | Keluasan           | Rujukan Fail     |
|------|-------------------------|-------------------------|------------------------------------|--------------------|------------------|
| No.  | Town/Villagel/<br>Mukim | Lot/Parcel/<br>L.O. No. | Description<br>and No. of<br>Title | Area               | File Reference   |
|      |                         |                         | G.M.-MCL                           | Hektar/<br>Hectare |                  |
| 1.   | Serkam                  | 1046                    | 1047                               | 0.147              | PTJ/H/342/N08/49 |

Bertarikh 4 Mei 2010  
Dated 4 May 2010  
[PTJ/H/342/N08/27/49/31;  
PUNM. 700-02/1/31]

MUHAMMAD IKRAM BIN IBRAHIM  
*Pentadbir Tanah Daerah/  
District Land Administrator  
Jasin*

No. 438.

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

(Section 130)

NOTICE OF REVERSION TO THE STATE

Bahawasanya, menurut peruntukan seksyen 100 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa pelucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

Whereas, pursuant to provision of section 100 of the National Land Code, the land scheduled below has by order been declared forfeit to the State Authority.

Notice is hereby given that such forfeiture has this day taken effect and that, in consequence of its vesting in the State Authority—

- (a) any time or interest in the land heretofore substituting or capable of rising is extinguished; and
- (b) the issue document of title to the land is void and is impoundable by the State.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAKKAN  
*SCHEDULE OF FORFEITED LAND*

| Bil. | Bandar/Pekan/<br>Mukim | No. Lot/<br>Petak/P.T.  | Perihal dan<br>No. Hakmilik        | Keluasan                        | Rujukan Fail     |
|------|------------------------|-------------------------|------------------------------------|---------------------------------|------------------|
| No.  | Town/Village/<br>Mukim | Lot/Parcel/<br>L.O. No. | Description<br>and No. of<br>Title | Area                            | File Reference   |
|      |                        |                         | P.M.                               | Meter Persegi/<br>Square Metres |                  |
| 1.   | Sempang                | 1103                    | 191                                | 245                             | PTJ/H/342/N08/31 |

Bertarikh 4 Mei 2010  
Dated 4 May 2010  
[PTJ/H/342/N08/27/49/31;  
PUNM. 700-02/1/31]

MUHAMMAD IKRAM BIN IBRAHIM  
*Pentadbir Tanah Daerah/  
District Land Administrator  
Jasin*

**No. 439.**

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

(Section 130)

NOTICE OF REVERSION TO THE STATE

Bahawasanya, menurut peruntukan seksyen 100 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa pelucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

Whereas, pursuant to provision of section 100 of the National Land Code, the land scheduled below has by order been declared forfeit to the State Authority.

Notice is hereby given that such forfeiture has this day taken effect and that, in consequence of its vesting in the State Authority—

- (a) any time or interest in the land heretofore substituting or capable of rising is extinguished; and
- (b) the issue document of title to the land is void and is impoundable by the State.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAKKAN  
*SCHEDULE OF FORFEITED LAND*

| Bil. | Bandar/Pekan/<br>Mukim | No. Lot/<br>Petak/P.T.  | Perihal dan<br>No. Hakmilik        | Keluasan           | Rujukan Fail     |
|------|------------------------|-------------------------|------------------------------------|--------------------|------------------|
| No.  | Town/Village/<br>Mukim | Lot/Parcel/<br>L.O. No. | Description<br>and No. of<br>Title | Area               | File Reference   |
|      |                        |                         | G.M.-MCL                           | Hektar/<br>Hectare |                  |
| 1.   | Umbai                  | 2360                    | 1330                               | 0.0131             | PTJ/H/342/N08/27 |

Bertarikh 4 Mei 2010  
Dated 4 May 2010  
[PTJ/H/342/N08/27/49/31;  
PUNM. 700-02/1/31]

MUHAMMAD IKRAM BIN IBRAHIM  
*Pentadbir Tanah Daerah/  
District Land Administrator  
Jasin*

**No. 440.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU DOKUMEN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

(Section 168)

NOTICE OF INTENTION TO ISSUED TITLE IN CONTINUATION  
(OR NEW ISSUE DOCUMENT IN LIEU THEREOF)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara [56 tahun 1965], Notis diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik sambungan dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual atas sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik strata yang dikeluarkan telah hilang.

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code [56 of 1965], Notice is given that it is proposed to replace the issue document of title to the land described in the Schedule for the following reason:

The issue document of strata title has been lost.

*JADUAL/SCHEDULE*

Mukim/*Mukim*—Bertam. Daerah/*District*—Melaka Tengah. No. Lot/*Lot No.*—977. Perihal dan No. Hakmilik/*Description and No. of Title*—P.N. 10674/M1/5/68. Keluasan/*Area*—82 meter persegi/*square metres*.

Bertarikh 6 Mei 2010  
Dated 6 May 2010  
[PTG(M) A96/1 (7);  
PUNM. 700-02/1/31]

NUR HAFIZAH BINTI BAHARI  
*Penolong Pengarah Strata/  
Assistant Director of Strata  
Melaka*

**No. 441.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU DOKUMEN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

(Section 168)

NOTICE OF INTENTION TO ISSUE TITLE IN CONTINUATION  
(OR NEW ISSUE DOCUMENT IN LIEU THEREOF)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, Notis diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik yang dikeluarkan telah hilang.

In exercise of the power conferred by section 168 of the National Land Code, Notice is given that it is proposed to replace the issue document of title to land described in the Schedule below for the following reason:

The issue document of title has been lost.

JADUAL/SCHEDULE

| Bil. | Bandar/<br>Pekan/<br>Mukim | No. Lot/<br>Petak/<br>P.T. | Perihal dan No.<br>Hakmilik     | Keluasan            | No. Fail<br>PTAG |
|------|----------------------------|----------------------------|---------------------------------|---------------------|------------------|
| No.  | Town/<br>Village/<br>Mukim | Lot/Parcel/<br>L.O. No.    | Description and<br>No. of Title | Area                | File No.<br>PTAG |
|      |                            |                            | G.M.M.                          | Hektar/<br>Hectares |                  |
| 1.   | Masjid<br>Tanah            | 1725                       | 1442                            | 0.1214              | B1/01/55/2010    |
| 2.   | Kemuning                   | 304                        | 437                             | 0.4553              | B1/01/57/2010    |
| 3.   | Masjid<br>Tanah            | 281                        | 400                             | 0.3516              | B1/01/58/2010    |
|      |                            |                            | P.M.                            |                     |                  |
| 4.   | Durian<br>Tunggal          | 2045                       | 173                             | 1.6466              | B1/01/56/2010    |

Bertarikh 14 Mei 2010

Dated 14 May 2010  
[PTAG. B1/01/55/2010-  
B1/01/58/2010;  
PUNM. 700-02/1/1/31]

HJH. HAFIZAH BINTI MD SHAH  
*Penolong Pentadbir Tanah Daerah/  
Assistant District Land Administrator  
Alor Gajah*

**No. 442.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN UNTUK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU DOKUMEN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

(Section 168)

NOTICE OF INTENTION TO ISSUE TITLE IN CONTINUATION  
(OR NEW ISSUE DOCUMENT IN LIEU THEREOF)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, Notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik yang dikeluarkan telah hilang.

In exercise of the power conferred by section 168 of the National Land Code, Notice is given that it is proposed to replace the issue document of title to the land described in the Schedule for the following reason:

The issue document of title has been lost.

JADUAL/SCHEDULE

| Bil. | Bandar/<br>Pekan/<br>Mukim | No. Lot/<br>Petak/<br>P.T. | Perihal dan No.<br>Hakmilik     | Keluasan            | No. Fail      |
|------|----------------------------|----------------------------|---------------------------------|---------------------|---------------|
| No.  | Town/<br>Village/<br>Mukim | Lot/Parcel/<br>L.O. No.    | Description and<br>No. of Title | Area                | File No.      |
|      |                            |                            | G.M.M.                          | Hektar/<br>Hectares |               |
| 1.   | Sungei<br>Rambai           | 1334                       | 1417                            | 0.4123              | PTJ/D/GG/0171 |
| 2.   | Umbai                      | 1040                       | 409                             | 0.3389              | PTJ/D/GG/0172 |
| 3.   | Sungei<br>Rambai           | 1271                       | 1635                            | 0.6171              | PTJ/D/GG/0173 |
| 4.   | Tedong                     | 266                        | 357                             | 0.2074              | PTJ/D/GG/0174 |
| 5.   | Chinchin                   | 2320                       | 302                             | 0.2511              | PTJ/D/GG/0175 |
|      |                            |                            | P.M.                            |                     |               |
| 6.   | Nyalas                     | 2782                       | 461                             | 1.7648              | PTJ/D/GG/0176 |

Bertarikh 14 Mei 2010

Dated 14 May 2010  
[PTJ/D/GG 0171, 0172,  
0173, 0174, 0175 dan 0176]  
PUNM. 700-02/1/31]

MAZLIANA BINTI ABDULLAH  
*Penolong Pentadbir Tanah Daerah/  
Assistant District Land Administrator  
Jasin*

**No. 443.**

(Seksyen 175A)

NOTIS BERHUBUNGAN DENGAN PENYEDIAAN DOKUMEN  
HAKMILIK DAFTARAN SEMENTARA

(Section 175A)

NOTICE RELATING TO THE PREPARATION OF A PROVISIONAL  
REGISTER DOCUMENT OF TITLE

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Bab 4 Bahagian Sepuluh Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menyedia suatu dokumen hakmilik daftaran sementara berhubung dengan tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab berikut:

- (1) Dokumen dalam simpanan Pejabat Daerah dan Tanah Jasin telah hilang.



- (2) Berdasarkan Akuan Sumpah yang dilakukan di hadapan Pendaftar, pemilik dokumen tersebut mengakui bahawa tiada sebarang transaksi urusniaga yang berlaku selepas dari penyerahan dokumen asal diberikan kepada pemilik.
2. Selepas penyiaran notis ini dalam *Warta*, Pendaftar atau Pentadbir Tanah tidak boleh menerima untuk pendaftaran mana-mana suratcara urusniaga yang menyentuh tanah itu, atau memasukkan apa-apa kaveat sendirian di bawah seksyen 322 atau apa-apa kaveat pemegang lien di bawah seksyen 330 berkenaan dengannya, sehingga pemasukan itu dalam dokumen hakmilik daftaran sementara telah disahkan di bawah seksyen 175F.
3. Mana-mana orang atau badan yang mempunyai kepentingan dalam tanah tersebut boleh memohon dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh penyiaran notis ini dalam *Warta* kepada Pendaftar dalam Borang 10F bahawa nama tuannya/mana-mana orang yang mempunyai kepentingan berdaftar atau kepentingan yang boleh didaftarkan dimasukkan dalam dokumen hakmilik daftaran sementara.
4. Mana-mana orang atau badan yang ada memiliki dokumen hakmilik keluaran hendaklah, dalam tempoh tiga bulan tersebut, menghantarnya kepada Pendaftar.

In exercise of the powers conferred by Chapter 4 of Part Ten of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to prepare a provisional register document of title relating to the land described in the Schedule below for the following reasons—

- (1) The document under the District and Land Office of Jasin had been lost.
- (2) Based on the Statutory Declaration declared before the Registrar, the owner admitted that no business transaction had been done after the presentation of the original document made on him.
2. Upon publication in the *Gazette* of this notice, no Registrar or Land Administrator shall accept for registration any instrument of dealing affecting the land, or enter any private caveat under section 322 or any lien-holder's caveat under section 330 in respect thereof, until the entry in the provisional register document of title has been authenticated under section 175F.
3. Any person or body having interest in the said land may apply within three months of the publication in the *Gazette* of this notice to the Registrar in Form 10F that the name of the proprietor/any person having registered or registrable interest be entered in the provisional register document of title.
4. Any person or body who is possession of the issue document of title thereto shall within the said three months, deliver it to the Registrar.

## JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Jasin. Bandar/Pekan/Mukim/*Town/Village/Mukim*—Sempang.  
No. Lot—539. Perihal dan No. Hakmilik/*Description and No. of Title*—MCL  
227. Luas/*Area*—1.1309 ekar/acres.

Bertarikh 3 Mei 2010  
Dated 3 May 2010  
[PTJ/D/0007;  
PUNM. 700-02/1/31]

MAZLIANA BINTI ABDULLAH  
*Penolong Pentadbir Tanah Daerah/  
Assistant District Land Administrator  
Jasin*

**No. 444.**

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

(Section 261)

SUMMON TO CHARGOR TO ATTEND AN ENQUIRY

Kepada Hasmah binti Bakar beralamat di Lorong Bahagia 1, Taman Desa Damai, Cheng, 75250 Melaka dan/atau 2 Jalan TBC 28, Taman Bukit Cheng, 75250 Melaka, penggadai dalam gadaian yang disebut di dalam Jadual bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan itu di Pejabat Tanah Melaka Tengah pada 17 Jun 2010 jam 9.00 pagi.

Oleh itu, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Cheng. No. Lot/Petak/P.T.—3167. Perihal dan No. Hakmilik—G.M. 570. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 6744/1999. ((1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 12 Mei 2010  
[PTMT. B1(J) 219/10;  
PUNM. 700-02/1/31]

FAEZAH BINTI BABA  
*Penolong Pentadbir Tanah Daerah  
Melaka Tengah*

To Hasmah binti Bakar of 6 Lorong Bahagia 1, Taman Desa Damai, Cheng, 75250 Melaka and/or 2 Jalan TBC 28, Taman Bukit Cheng, 75250 Melaka, the chargor of the charge stated in the Schedule over the land stated therein.

Whereas I have received from the chargee of the said charge an application for an order for sale to be issued under subsection 260(2) of the National Land Code.

And whereas I intend to hold an enquiry with regards to the said application at Land Office of Melaka Tengah on 17 June 2010 at 9.00 a.m.

Therefore, pursuant to paragraph 261(1)(c) of the National Land Code, you are required to attend the said enquiry and show cause why the said order ought not to be made.

SCHEDULE OF THE LAND AND INTEREST

Town/Village/Mukim—Cheng. Lot/Parcel/L.O. No.—3167. Description and No. of Title—G.M. 570. Share of Land (if any)—All. Registered No. of Charge (if any)—Perserahan No. 6744/1999. ((1) Title only).

Dated 12 May 2010  
[PTMT. BI(J) 219/10;  
PUNM. 700-02/1/31]

FAEZAH BINTI BABA  
*Assistant District Land Administrator*  
*Melaka Tengah*

**No. 445.**

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

(Section 261)

SUMMON TO CHARGOR TO ATTEND AN ENQUIRY

Kepada Nor Azura binti Salleh beralamat di A-2-5 Menara Manjalara, Jalan 1/62B, Bandar Manjalara, 52200 Kuala Lumpur dan/atau 50 Jalan MMJ 12, Taman Mas Merah Jaya, Batu Berendam, 75350 Melaka dan/atau d/a BMES Maintenance Services Sdn. Bhd., C-2-2 Sri Damansara Business Park, Persiaran Industri, Bandar Damansara, 52200 Kuala Lumpur, penggadai dalam gadaian yang disebut dalam Jadual bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan itu di Pejabat Tanah Melaka Tengah pada 1 Julai 2010 jam 10.00 pagi.

Oleh itu, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Batu Berendam. No. Lot—7160. Perihal dan No. Hakmilik—P.M. 937. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 4530/2006. ((1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 13 Mei 2010  
[PTMT. BI(J) 241/09;  
PUNM. 700-02/1/31]

FAEZAH BINTI BABA  
*Penolong Pentadbir Tanah Daerah  
Melaka Tengah*

To Nor Azura binti Salleh of A-2-5 Menara Manjalara, Jalan 1/62B, Bandar Manjalara, 52200 Kuala Lumpur and/or 50 Jalan MMJ 12, Taman Mas Merah Jaya, Batu Berendam, 75350 Melaka and/or d/a BMES Maintenance Services Sdn. Bhd., C-2-2 Sri Damansara Business Park, Persiaran Industri, Bandar Damansara, 52200 Kuala Lumpur, the chargor of the charge stated in the Schedule over the land stated therein.

Whereas I have received from the chargee of the said charge an application for an order for sale to be issued under subsection 260(2) of the National Land Code.

And whereas I intend to hold an enquiry with regards to the said application at Land Office of Melaka Tengah on 1 July 2010 at 10.00 a.m.

Therefore, pursuant to paragraph 261(1)(c) of the National Land Code, you are required to attend the said enquiry and show cause why the said order ought not to be made.

## SCHEDULE OF THE LAND AND INTEREST

Town/Village/Mukim—Batu Berendam. Lot No.—7160. Description and No. of Title—P.M. 937. Share of Land (if any)—All. Registered No. of Charge (if any)—Presentation No. 4530/2006. ((1) Title only).

Dated 13 May 2010  
[PTMT. BI(J) 241/09;  
PUNM. 700-02/1/31]

FAEZAH BINTI BABA  
*Assistant District Land Administrator  
Melaka Tengah*

**No. 446.**

(Seksyen 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

(Section 263)

ORDER FOR SALE AT INSTANCE OF THE CHARGEES

Saya, Mas Muhammad Hakim bin Masika, Penolong Pentadbir Tanah Daerah Melaka Tengah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini memerintahkan supaya dijual tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini;

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah secara lelongan awam, yang akan diadakan pada 18 Jun 2010 (Jumaat) jam 10.00 pagi di kawasan Pejabat Tanah Melaka Tengah, Melaka; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu hendaklah RM65,000.00 (Enam Puluh Lima Ribu Ringgit).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM42,717.01. Nama pemegang gadaian ialah Malayan Banking Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang dinyatakan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM6,500.00 (Enam Ribu Lima Ratus Ringgit);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari dari tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 18 Oktober 2010 dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Telok Mas. No. Lot—1986. Perihal dan No. Hakmilik—P.M. 806. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 2370/1999.

Bertarikh 27 April 2010  
[PTMT. B1(J) 132/09;  
PUNM. 700-02/1/31]

MAS MUHAMMAD HAKIM BIN MASIKA  
*Penolong Pentadbir Tanah Daerah  
Melaka Tengah*

I, Mas Muhammad Hakim bin Masika, Assistant Land Administrator of Melaka Tengah, in exercise of the powers conferred by section 263 of the National Land Code, hereby order the sale of the land described in the Schedule below;

And I further order—

- (a) that the sale shall be by public auction, to be held on the 18 June 2010 (Friday) at 10.00 a.m. at the premises of the District and Land Office of Melaka Tengah, Melaka; and
  - (b) that the reserve price for the purpose of the sale shall be RM65,000.00 (Sixty Five Thousand Ringgit).
2. I find that amount due to the chargee at this date is RM42,717.01. Name of chargee is Malayan Banking Berhad.
3. The sale shall be subject to the following conditions:
- (a) the bidder possesses, the sum equivalent to ten per centum of the reserve price specified under paragraph 1(b) above: RM6,500.00 (Six Thousand And Five Hundred Ringgit);
  - (b) the full amount of the purchase price may be paid immediately after the fall of the hammer by the successful bidder to the chargee;
  - (c) where the full amount of the purchase price is not paid after the fall of the hammer by the successful bidder—
    - (i) then the sum specified in paragraph (a) shall be paid to the chargee and it shall be retained as a deposit until the full purchase price has been paid; and
    - (ii) pending the settlement of the balance of the purchase price, the sum specified in subparagraph (i) shall be credited into the account of the chargor for the purpose of reducing the amount due to the chargee;
  - (d) the balance of the purchase price shall be settled within a date not later than one hundred and twenty days from the date of the sale, that is, not later than the 18 October 2010 and there shall be no extension of the period so specified; and
  - (e) where the full purchase price is not settled on or by the date specified in paragraph (d), the sum paid as deposit under paragraph (c) to the chargee shall be forfeited and disposed of in the manner specified under section 267.

SCHEDULE OF LAND AND INTEREST

Town/Village/Mukim—Telok Mas. Lot No.—1986. Description and No. of Title—P.M. 806. Registered No. of Charge (if any)—Presentation No. 2370/1999.

Dated 27 April 2010  
[PTMT. B1(J) 132/09;  
PUNM. 700-02/1/31]

MAS MUHAMMAD HAKIM BIN MASIKA  
*Assistant District Land Administrator*  
*Melaka Tengah*

**No. 447.**

(Seksyen 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

(Section 263)

ORDER FOR SALE AT INSTANCE OF THE CHARGEЕ

Saya, Mas Muhammad Hakim bin Masika, Penolong Pentadbir Tanah Daerah Melaka Tengah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini memerintahkan supaya dijual tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini;

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah secara lelongan awam, yang akan diadakan pada 18 Jun 2010 (Jumaat) jam 10.00 pagi di kawasan Pejabat Tanah Melaka Tengah, Melaka; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu hendaklah RM65,000.00 (Enam Puluh Lima Ribu Ringgit).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM42,717.01. Nama Pemegang Gadaian ialah Malayan Banking Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang dinyatakan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM6,500.00 (Enam Ribu Lima Ratus Ringgit);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari dari tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 18 Oktober 2010 dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan

- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

